

**Hormati Hasrat Pengerusi MCA Kedah Untuk Berundur - Bashah
Bernama
26 September , 2011**

JERLUN, 26 Sept (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah menghormati hasrat Pengerusi MCA Kedah, Datuk Chong Itt Chew untuk melepaskan semua jawatan parti pada pilihan raya umum (PRU) ke-13.

"Saya hormati keputusan beliau itu, tapi saya yakin dia bukan nak letak jawatan hari ini dan dia pun ada kata sekiranya MCA masih perlukan khidmatnya, dia akan terus berkhidmat.

"Bagaimana pun keputusan bergantung kepada MCA pusat, tapi saya lihat pendirian beliau jelas kerana beliau mahu MCA dipimpin oleh generasi muda pula," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Mesra Aidilfitri Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), di sini Isnin.

Ahmad Bashah, juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri berkata, walaupun Chong mengundurkan diri kelak, beliau yakin Chong akan terus bersama BN negeri untuk menentukan kemenangan parti dalam PRU akan datang.

Semalam, Chong, 62, berkata beliau telah memaklumkan mengenai hasratnya itu kepada Presiden MCA, bagi memberi laluan kepada muka baru untuk dipilih bertanding pada PRU akan datang.

Pada PRU-12, MCA bertanding dua kerusi Parlimen dan empat DUN dan hanya memenangi satu kerusi Parlimen Alor Setar dan tewas Parlimen Kulim/Bandar Baru dan kerusi DUN Gurun, Kulim, Kota Darul Aman dan Bakar Arang.

Chong, bekas anggota Exco kerajaan negeri semasa Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datuk Seri Mahdzir Khalid menjadi Menteri Besar, tewas kepada pengerusi DAP Kedah, Lee Guan Aik di Dun Kota Darul Aman pada PRU itu.

Pada PRU tersebut, Umno meletakkan calon di 28 kerusi DUN, Gerakan (2), MIC (2) dan MCA (4), manakala 13 calon kerusi Parlimen daripada Umno dan dua daripada MCA.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615815>